

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 5 RABU 31HB. JANUARI, 1973. رابو 27 ذوالحجه 392 PERCHUMA

BELIA2 TIDAK SA-HARUS-NYA MENUNGGU ARAHAN UNTUK MENJALANKAN KERJA2 SUKARELA

LUMUT. — Kaum belia di-negeri ini telah di-seru supaya jangan memencilkan diri dari masharakat keliling kerana sifat yang sa-demikian bukan sahaja boleh melemahkan masharakat mereka sendiri tetapi juga mengechewakan harapan negara dan kerajaan.

Seruan ini telah di-buat oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif ketika beliau merasmikan pembukaan meshuarat agong Persatuan Gabongan Belia Liang-Lumut kali yang ke-empat yang telah berlangsung di-Balai Raya Lumut pada hari Jumaat lepas.

Awang Jaya merasa kesal kerana maseh ada sa-bilangan kechil belia2 di-negeri ini maseh mempunyai pandangan sempit dan tidak ingin berusaha menyesuaikan diri-nya dengan kehendak masharakat dan memencilkan diri dari persatuan2 belia.

Beliau menambah kata, perbuatan sa-rupa ini sedikit sa-banyak telah mendatangkan kesan yang tidak baik, kerana sikap yang sa-demikian bukan sahaja melemahkan masharakat mereka sendiri tetapi juga mengechewakan harapan negara dan kerajaan yang sangat2 memerlukan tenaga suharela belia untuk tugas membangun.

"Jatoh dan bangun-nya negara kita pada masa yang akan datang ada-lah bergantung pada kebolehan dan kepintaran fikiran kaum belia pada masa ini", tegas Awang Jaya.

Beliau berkata, gulongan belia hendak-lah menganggap diri mereka sa-bagai sa-bahagian dari jentera kerajaan untuk mengendalikan ranchangan2 kemajuan dan mereka itu tidak sa-harus-nya menunggu arahan dari kerajaan untuk menjalankan kerja2 suharela bagi membantu kerajaan dalam usaha-nya mengekalkan kemakmoran dan keamanan negeri ini.

Awang Jaya yang juga menjadi Naib — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei menegaskan bahawa belia2 di-negeri ini haruslah bersukor atas kemudahan2 yang di-berikan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kebajikan Masharakat dalam usaha-nya membimbing kaum belia di-negeri ini.

Beliau berharap dengan ada-nya kemudahan2 seperti itu belia2 di-Liang dan Lumut akan terus berusaha dalam melancarkan projek2-nya sa-laras dengan kehendak masharakat di-sekitar kampung2 tersebut.

Beliau yakin bahawa sa-lagi pemimpin2 persatuan itu berniat untuk berbimbing bahu memikul tujuan2 perlembagaan-nya, maka sa-lagi itu-lah persatuan itu tidak



Awang Jaya bin Abd. Latif.

akan tergelincir daripada menjalankan usaha2 yang membina dan berfaedah.

Beliau mengingatkan di-samping menyedari akan tanggung-jawab, mereka juga harus memahami bahawa perkembangan persatuan itu mesti-lah sa-laras dengan perkembangan dan kemajuan belia

(Lihat muka 8)

Lagi sa-orang penuntut lulus pengajian tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-orang penuntut Brunei, Awang Chin Vui Kiong telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah menamatkan pengajian-nya di-Unibersiti Western Australia sa-lama lima tahun.

Awang Chin Vui Kiong berusia 27 tahun telah berjaya mendapat ijazah Sarjana Sains bahagian Pergiian dari Unibersiti tersebut.

Beliau melanjutkan pelajaran-nya di-unibersiti itu atas biasiswa Kerajaan Brunei melalui Jabatan Pelajaran.



SA-JUMLAH \$1,500.00 telah di-terima oleh Jawatankuasa Pebinaan Stadium Daerah Brunei-Muara pada minggu lalu.

Awang Wee Beng Chong dari Bandar Seri Begawan telah menderma sa-banyak \$1,000 atas nama beliau sendiri manakala \$500.00 derma dari Pertubohan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Wee Beng Chong sendiri kepada Setia Usaha Jawatankuasa Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri manakala derma dari Pertubohan Perkumpulan Perempuan di-serahkan oleh Yang Di-Pertua perkumpulan itu, Dayang Masni binte Haji Ali (gambar atas).

Dayang Masni menyatakan bahawa wang tersebut di-perolehi dari projek2 yang di-jalankan pada tahun lalu itu ada-lah sa-bagai derma permulaan dari perkumpulan itu.

Beliau berkata, pertubohan itu akan mengajorkan beberapa projek bagi memungut derma untuk tabung tersebut. Salah satu daripada projek2 itu ia-lah mengadakan jualan murah dalam bulan depan.

Beliau berharap orang ramai, pekedai2 dan sharikat2 perniagaan akan dapat menyumbangkan derma bagi menyayakan projek yang berkebahagian itu.

Tembakan meriam alu2kan awal Muharam

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Tembakan meriam sa-banyak 12 das akan di-tembakkan dari kawasan Bahai Pulis Diraja Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 3hb. Februari sa-bagai menyambut

Tahun Baru Islam ia-itu tahun Hijrah 1393.

Tembakan meriam itu akan di-lepaskan sa-lepas sembahyang Magrib pada hari tersebut.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Ahli2 J/K baru persatuan PERANGKAB

BERAKAS. — Awang Abdul Latif bin Abd. Wahab dan Awg. Abdul Rahman bin Md. Yusof, masing2 telah di-pileh semula sa-bagai Yang Di-Per-tua dan Setia Usaha Agong Persatuan Angkatan Kam-pung Burong Pinggai Berakas — PERANGKAB.

Mereka itu telah di-pileh dengan sa-bulat suara dalam meshuarat agong persatuan itu yang telah di-adakan ba-ru2 ini.

Lain2 yang telah di-pileh un-tok mentadbir persatuan itu bagi tahun 1973/74 ada-lah saperti berikut:

Naib Yang Di-Per-tuan — Awg. Mohaimin bin Dato Imam Haji Mokti; Pengerusi Tetap — Awang Mokti bin Mohd. Daud; Naib Se-tia Usaha Agong — Awang Ali-din bin Othman dan Bendahari Agong — Awang Sharbini bin Mohd. Yassin.

Sa-lain dari itu sa-ramai lima orang juga telah di-pileh sa-bagai ahli2 jawatankuasa. Mereka ia-lah:

Awang Junid bin Haji Ramlee — Seksi Kesenian dan Kebudayaan; Awang Abd. Wahab bin Awg. Tengah — Seksi Sosial dan Keba-jikan; Awang Abdul Rahman bin Salim — Seksi Sokan; Awang Jo-hari bin Pehin Bendahari Haji Omar — Seksi Uagama dan Pela-jaran dan Pengiran Metassan bin Pengiran Mohiddin — Seksi Per-suratan.

Awang Abu Bakar bin Awang Tengah, Awang Md. Yusof bin Haji Mohammad, Awang Hasip bin Mayassin dan Awang Junaidi bin Kaling di-lantek sa-bagai ahli biasa.

Awang Hilmi bin Abdul Gha-far dan Awang Mashor bin Haji Metahir di-lantek sa-bagai Peme-reksa Kira2.

GAMBAR bawah menunjukkan pemain2 pasukan PERKA dan Ikatan Belia Berakas bergam-bar ramai sa-belum perlawanan bola sepak perengkat akhir di-an-tara kedua2 pasukan itu di-jalan-kan.

Dalam perlawanan itu pasukan PERKA telah mengalahkan Ika-tan Belia Berakas dengan 4 gol berbalas satu.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Angkatan Persatuan Pemuda — Pemudi Kampong Perpindahan Berakas sa-bagai projek tahunan-nya.



Setia Usaha Agong J/K Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awg. Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima derma sa-banyak \$614.50 dari Setia Usaha Agong persatuan PERANGKAB, Awg. Abdul Rahman bin Mohd. Yusof.

Chalun2 yang lulus pereksa trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 16 orang chalun telah lulus pepercakaan menaip perengkat menengah aliran Melayu yang di-jalankan di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Seri Begawan dalam pertengahan tahun lalu.

Pepercakaan itu di-anjorkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Baha-gian Pelajaran Dewasa.

Chalun2 yang lulus ia-lah Awangku Ahmad bin Pengi-ran Metassan, Dayang Zaiton binte Mangarshah, Awang Hussein bin Haji Timbang, Dayang Mahbooba binte Mo-hamed Ali, Dayang Noorja-nah binte Awang Besar, Da-yang Rokiah binte Jaludin, Awang Sulaiman bin Tim-bang, Dayang Halimah binte Johan, Dayangku Roseniah binte Pengiran Matusin, Awg. Esai bin Taris, Dayang Fati-mah Haji Ludin, Dayang Haj-jah Hasnah binte Haji Ismail, Dayang Rosmah binte Ibra-him, Dayang Rokiah binte Taha, Dayang Rubiah binte Gunong dan Dayang Zaimah binte Daud.

Awang Ismail bin Jamud-din telah lulus pepercakaan

trengkas dan menaip pereng-kat tertinggi, Dayang Hapiah binte Awg. Besar dan Awang Ismail bin Jarudin masing2 lulus trengkas perengkat ter-tinggi.

Empat orang penuntut dari Maktab SOAS lulus ilmu me-nyimpan buku kira2, treng-kas dan menaip aliran Ing-geris:

Chua Lian Siew telah lulus ilmu menyimpan buku kira2 perengkat menengah, Mary Ann Bong Lian Hiok lulus trengkas perengkat menengah,

Norlida Abdullah dan Poh Hak Lian masing2 lulus me-naip perengkat menengah dan tertinggi.

Sa-orang lagi penuntut dari Maktab Anthony Abell Seria, Dayangku Jamilah binte Pen-giran Matarsat lulus menaip perengkat menengah.

Chalun2 yang gagal da-lam pepercakaan2 itu boleh-lah menyambung pelajaran mereka di-sekolah2 berkenaan untuk mengambil pepercakaan yang sama dalam bulan Jun tahun ini.

Kursus Perguruan — 1973

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada mere-ka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei serta juga mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pela-jaran dengan mendapat kelu-lusan "Biasa" dalam empat mata pelajaran atau mereka2 yang sedang menunggu kepu-tusan Pepercakaan SPM/MCE bagi mengikuti kursus per-guruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Ga-

dong, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Pelajaran Brunei memerlukan orang2 muda yang sesuai kelayakan-nya un-tok di-latih sa-bagai guru Se-kolah2 Menengah Rendah Melayu dan Inggeris. Sa-lain dari menerima latehan2 'am dalam chara2 mengajar, cha-lun2 yang berjaya akan dapat mengikuti kursus2 khas da-lam mengajar perkara2 pileh-an saperti Sains, Hisab, Seja-rah, Ilmu Alam, Lukisan dan Pertukangan Tangan dan Sains Rumah Tangga. Peko-jaan mengajar di-negeri Bru-nei merupakan suatu lapang-an yang besar ganjaran-nya dan juga memberi peluang ka-pada orang2 muda untuk memberikan sumbangan ter-hadap kemajuan negara.

Sa-masa dalam latehan se-mua pemohon yang di-terima masok akan di-bayar elauan sa-banyak \$210.00 hingga \$225.00 sa-bulan dan akan di-beri makan serta tempat ting-gal di-asrama2 Maktab.

Sa-belum di-terima masok, pemohon2 yang terpilih akan terlebih dahulu di-temuduga serta di-periksa oleh doktor Kerajaan.



SA-BAGAIMANA yang kita ketahui bahawa kehidupan di-dunia ini akan bersambung pula dengan kehidupan di-akhirat ia-itu hari yang terakhir, hari kemudian, hari pembalasan, hari dikumpulkan manusia sesudah mati-nya untuk diberikan balasan dan ganjaran yang amat sempurna.

Sa-tiap manusia yang hidup di-dunia ini ada mempunyai ajal yang tertentu dan umur yang terbatas. Apabila tiba ajal-nya dan sampai sa-at-nya maka putus-lah segala kesempatan bagi-nya untuk bekerja dan beramal, berpisah-lah ia dengan alam dunia berpindah ke-negeri yang kekal abadi, ia-itu negeri akhirat, tempat kesudahan segala mahlok, berpisah ia dengan isteri dan anak-nya, dengan ibu-bapa-nya, dengan saudara2 dan kaum keluarga-nya, dengan kawan-nya dan sahabat handai-nya, dengan harta dan segala yang di-kasahinya. Dia kembali ka-tempat asal-nya di-kubor di-perut bumi, tiada kawan yang akan menemani, tiada sahabat yang memberi hiburan, bahkan memang sengkaja dia di-tinggalkan sendirian.

Siapakah yang dapat menolong kita ketika itu? Siapakah yang dapat memberi kelapangan dan kesukaan di-tempat itu? Tidak lain dan tidak bukan melainkan amal kita sendiri, amal salih yang telah kita perbuat ketika kita hidup di-dunia. Itu-lah sahaja satu2-nya kawan kita di-dalam kubor sampai ka-akhirat.

Ketika di-dunia kita telah di-kurniakan akal yang sihat, kita telah di-bekalkan dengan kitab Quran dan ajaran2 ugama Islam, kepada kita telah di-utuskan Rasul untuk memberi panduan dan bimbingan, semua-nya untuk faedah dan keselamatan kita hidup di-dunia. Hidup di-kubor dan hidup di-akhirat, tetapi berapa ramaikah dari saudara2 kita umat Islam yang menyedari akan hakikat ini, berapa ramaikah di-antara kita yang maseh mengabaikan soal2 yang bersangkut dengan kehidupan-nya di-akhirat?

Dunia ini ada-lah tempat bertanam dan akhirat tempat mengambil buah-nya. Kalau kita hidup di-dunia kita menanam kejahatan, dosa, maksiat, maka di-akhirat kita akan mengambil buah neraka, dan minum ayer neraka dan tinggal dalam neraka. Ingat-lah firman Allah yang bermaksud:

AMAL YANG SALIH DI-BUAT SA-MASA HIDUP AKAN MENJADI TEMAN DI-DALAM KUBOR



KHUTBAH JUMA'AT

"Sa-sunggoh-nya pohon Zakum (buah neraka) ini makan orang yang berdosa, keadaan-nya seperti kotoran minyak mendideh di-dalam perut seperti mendideh-nya ayer panas".

Firman-nya lagi yang bermaksud:

"Jika mereka haus memin-ta minum, di-berikan-lah kepada mereka ayer yang seperti kotoran minyak yang menghanguskan muka2 mereka, alangkah buruk-nya minuman itu dan sa-jahat2 tempat".

Tetapi kalau kita di-dunia ini menanam perkataan yang

baik, amal yang salih, iman yang tetap, perbuatan yang suci, neschaya kita akan mengambil buah shorga, kesenangan yang kekal abadi di-negeri akhirat buat sa-lama2-nya. Firman Allah Subhana-hu-Wataala yang bermaksud:

"Dan ganjaran yang di-kurniakan Allah kerana kesabaran mereka ia-lah shorga dan pakaian sutera, mereka berbaring di-dalam-nya di-atas pelamin, tidak mereka melihat matahari (yang membuat kepanasan kepada mereka) dan tidak pula sangat sejok".

Oleh yang demikian kita

"Kita hendak-lah memperbaiki urusan akhirat dengan tidak meninggalkan kewajipan terhadap Allah, mengerjakan amal ibadat dan menghindarkan diri dari melakukan kejahatan".

hendak-lah memperbaiki urusan akhirat kita, tidak sekali2 meninggalkan kewajipan2 kita terhadap Allah dan hendak-lah senantiasa mengerjakan amal ibadat dan pekerjaan2 yang baik dan senantiasa menghindarkan diri dari melakukan kejahatan dan tegahan2 Allah dan Rasul-nya. Mudah2an kita tetap menjadi orang yang baik di-dunia dan di-akhirat. Amin ya rabal alamin.

Sambutan Awal Muharam tahun hijrah 1393

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan dan Tabligh dengan kerjasama Persatuan Belia Sengkabung Brunei, akan menganjurkan sambutan Awal Muharam Tahun Hijrah 1393, bertempat di-dewan Sekolah Melayu Sengkabung, pada 3hb. Februari, 1973 mulai jam 8.00 malam.

Satu acara yang di-jangka menarek dalam sambutan kali ini ia-lah sa-buah puisi2 yang bertajuk "Chita Rasa Darussalam", ia-itu persembahan pentas sa-chara sajak dan nyanyian yang menggambar-barkan chita2 pembangunan Brunei moden menerusi pelajaran, ekonomi, dan perpaduan serta keamanan dalam

suasana dan semangat "adil laila bahagia". Sekerip-nya ditulis oleh Badaruddin H.O., di-arahkan oleh Zairis M.S. Dua buah nyanyian dalam persembahan tersebut ia-lah "Semoga Bahagia" senikata dan lagu oleh Zubir Said, dan "Adil Laila Bahagia" gubahan Ustad Mustajab bin Shai'en dari senikata sajak Badaruddin H.O.

Acara lain ia-lah ucapan Penguasa Penerangan dan Tabligh, bache'an Al-Qur'an nashid dan tayangan wayang gambar.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ag. Hj. Mohd. Zain bin Haji Serudin akan menyampaikan ucapan dan saterus-nya merasmikan sambutan tersebut.

Orang ramai ada-lah dipersilakan hadir menyaksikan acara2 pada malam itu.

Sementara itu, sambutan di-daerah2 Tutong, Belait dan Temburong akan juga diadakan, dan tarikh sambutan di-tentukan oleh daerah2 tersebut masing2.

Sambutan Hari Raya Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Badan Hadhrah Tunas Raja Muda ringkas-nya Bahtamu akan mengadakan sambutan Hari Raya Haji pada malam 15hb. Februari depan, bagaimana pun menurut sa-orang juruchakap persatuan itu, tempat bagi di-adakan sambutan itu akan di-umumkan kemudian.

Antara acara2-nya termasuklah peraduan pukulan hadhrah, membaca sajak percerangan dan berpasangan, dan pakaian beragama.

Peraduan2 tersebut hanya terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan di-Daerah Brunei-Muara.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 31hb. Januari, 1973 hingga ka-hari Selasa 6hb. Februari, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
31hb. Jan.	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36	
1hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
2hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
3hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
4hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
5hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
6hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Keputusan peperiksaan kelas2 dewasa pelajaran rendah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 499 orang calon telah lulus peperiksaan bagi kelas2 dewasa pelajaran rendah yang telah diadakan dalam perenggan bulan Disember yang lalu.

Dari jumlah itu sa-ramai 141 orang lulus dalam peringkat permulaan; 213 orang dalam peringkat menengah dan 145 orang lulus dalam peringkat tertinggi.

Peperiksaan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa dan telah diadakan di-beberapa buah pusat peperiksaan.

Berikut ialah calon2 yang lulus dalam peperiksaan tersebut.

PERINGKAT PERMULAAN:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH
Dandan bte. Metassan; Amah bte. Tengah; Nauyah bte. Unjang; Norbik bte. Talha; Amas bte. Edin dan Rosni bte. Tengah.

BANGUNAN PERSATUAN KG. PANDAI BESI

Hasnah bte. Mahmud; Aisah bte. Hj. Besar dan Siti Ajar bte. Abd. Rahman.

S. M. LELA MENCHANAI

Dk. Hjh. Husnah bte. Pg. Hj. Taha; Dy. Sainah bte. Hj. Mohammad; Norpah bte. Hj. Mohammad; Fatimah bte. Hj. Mohammad; Sahdan bte. Ismail; Hjh. Chuchu Abdullah dan Maikasom bte. Sam-sudin.

S. M. KG. SETIA

Hjh. Kinchana Hj. Ahmad; Dy. Tinggal bte. Kadir; Pitah bte. Othman; Dy. Emas bte. Abd. Rahman; Dy. Limah bte. Ghafar; Dy. Hitam bte. A. Anak; Milah Hj. Md. Yasin; Isnah bte. Hj. Kula; Jijah bte. Sikin; Dollah bte. Metali; Rashid bte. Hj. Muslim; Duraman bte. Momin; Jumat bin Kamis; Niman bte. Ahmad; Mega bin Duraman dan Hj. Sahab bin Hj. Ahmad.

A. Bakar bin Tuba; Tusim bin Tuba; Daud bin Omar; Moktal bin Hj. Latif; Hamzah bin Omar; Pudin bin Duraman; Jumaat bin Ajak; Hj. Sulaiman bin Tuah dan Hj. Ibrahim bin Hassan.

S. M. ANGGEREK DESA
Dy. Piut P.A. Hj. Abdullah dan Maimunah bte. Yaakub.

S. M. MENTIRI

Bimura bte. Suboh; Gapar bin Budin dan Dayan bin Raya.

S. M. GADONG

Latifah bte. Matniah; Dy. Junit bte. Karim; Dy. Inun bte. A. Bakar; Dy. Suboh bte. Hj. Nawang; Dy. Hapipah bte. Garif; Jamilah bte. Hamid; Mayang bte. Burut; Norasah bte. Ahmad dan Dy. Jurong bte. A. Bakar.

S. M. PUTAT

Kalthum bte. Duraman; Kalthum bte. Hj. Ampal; Rohani bte. Dandan dan Jaimah bte. Gimbam.

Aw. Jais bin Sakin; Aw. Mail bin Duraman dan Aw. Duah bin Osman.

S. M. LIMA MANIS

Fatimah bte. Jaafar dan Radiah bte. Pilok.

S. M. PUTAT

Dy. Bungsu bte. Randah; Dy. Piah bte. Mokhtar; Pungut bte. Md. Yassin; Sarah bte. Hitam; Martuah bte. Salleh; Hasnah bte. Manan; Jaunah bte. Zahari; Sidah bte. Abdul dan Noralam bte. Mokhtar.

S. M. DATO GANDI

Dy. Damit bte. Md. Nor; Jaayah bte. Kanak; Hidar bte. Maidin; Mahani bte. Hj. Yusof dan Aisah bte. Jambul.

S. M. BUKIT PANGGAL

Musa bin Ibrahim; Hj. Momin bin Asmat; Tujoh bte. Basman; Lumat bte. Duraman dan Sisah bte. Yahya.

S. M. SENGKARAI

Fatimah bte. Rais; Norsiah bte. Sulaiman; Dy. Damit bte. Dollah; Gaiah bte. Larai; Dk. Sara bte. P. Mentali; Maie bte. Medan; Mak-salamah bte. Tahir; Halimah bte. Talib; Aminah bte. Mentali dan Mariam bte. Rais.

S. M. MUHAMMAD ALAM

Simah bte. Muhammad; Jariah bte. Hj. Wahab; Salbiah bte. Hj. Jaafar; Normah bte. Hj. Metusin; Nor bte. Metusin; Liah bte. Kadir; Dayang bte. Hj. Jaafar; Dy. Talima bte. Hj. Metusin; Dayang bte. Tengah dan Rahanah bte. Sastro.

Siti Jaayah bte. Mat Rais; Sabjan bte. Bustan; Dy. Masni bte. Udek; Masnah bte. Abdullah; Saadiah bte. Mohamad; Fatimah bte. Sunggoh; Miri bte. Hj. Tawan dan Dy. Nara anak Janda.

S. M. AHMAD TAJUDDIN

Chung Chai Koi; Bintang anak Ninkan; Norroyah bte. Ali/Toyah; Siti Rokiah bte. Putera; Selamah bte. Maneng; Siti bte. Kadir; Dk. Rasiyah bte. P.A. Rahman; Ajjah/Rapiyah bte. Taha dan Halifah bte. Wahab.

S. M. NEGALANG

Dy. Kalas bte. Kunchang.

S. M. KENUA

Bujang bin Purah; Bajie Ngundang; Danggat Belayong; Garai Enjup; Riman bte. Hussin dan Tutong Intili.

KAMPONG LEPONG BARU

Lium bin Empi; Mandon bte. Eri; Seh bin Elin; Ajong bin Singa dan Blangkot bte. Esek.

KAMPONG TEMADA

Bat anak Jubing.

S. M. AMO

Bujang anak Alik dan Ayu anak Gayam.

BALAI SEMENTARA KG. PARIT

Sigau bte. Hussin; Ulat bin Mulong; Nagih bte. Baru; Si-Ulong bte. Puasa; Isah bte. Hussin dan Timbang bte. Sibai.

PERINGKAT MENENGAH:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH
Koh Guat Hong; Lim Kim Lee dan Chong Moi Ngo.

BALAI PERSATUAN KG. PANDAI BESI

Dk. Rouyah Pg. H. Ahmad; Dk. Aminah P. Mohammad; Dk. Saini P. Sulaiman; Dy. Chabi Md. Said; Norsiah Metussin dan Armah Hj. Tahir.

S. M. KG. SETIA

Tahir bin Hussin; Laisah bte. Othman; Rasih bte. Hj. Kula; Pgh. Hj. Jair bin Jaafar; Kapal bin Lakup; Mat Yassin bin Hj. Aji; Hj. Duraman Ahmad; Kasum bte. Ahmad; Laisah bte. Othman; Budi Pgh. Hj. Jair dan Sirat Mega.

S. M. LELA MENCHANAI

Dy. Ganti Aw. Damit; Dy. Halimah Hj. Mohd.; Dy. Hasnah bte. Idris; Admah bte. Hj. Ibrahim; Dy. Damit bte. Ahmad; Aisah bte. Piut dan Dy. Kachang bte. A. Saidin.

KG. BARU UJONG KELINIK

Idris bin Lingga; Besar bin Serudin; Dollah bin Serudin; Aji bin Serudin; Baki bin Serudin dan Kasah bin Moin.

S. M. KG. SULTAN LAMA

Isah bte. Abdullah; Jijiah bte. Ibrahim; Jijah bte. Tamin; Masni bte. P. Kh. H. Momin; Norsiah bte. Badar; Salbiah bte. Mahmud; Sidah bte. Sidin; Sawaiah Hj. Mohamad dan Zainah bte. Ibrahim.

S. M. KG. SETIA

Puspa bte. Kidi; Kisbah bte. Tuba; Kapas bte. Tengah; Tikah bte. Kula; Buntar bte. Md. Zain; Ranik bte. Kampar dan Rosnah bte. Pungut.

DARJAH DEWASA KG.

PEKAN LAMA

Pg. Fatimah P.A. Rahman; Pg. Norsalam P. Othman; Dk. Halimah P. Ismail; Dk. Kayah P. Kahar; Dk. Sarbanun P. Said; Pg. Zaliha P. Abas dan Pg. Jijah bte. P. Damit.

BALAI IBADAH KG PEKAN LAMA

Pg. Ismail P. Md. Saleh; Pg. Halus P. Hj. Kadar; P. Seliman P. Tengah; P. Duraman P. Buntar; P. Md. Said P. Bakir; P. Md. Said P. Sabtu; P. Moksin P. Sabtu; P. Sulaiman P. Sabtu; P. Metamin P. Buntar; Hassan bin Damit dan P. Mansor P. Acheh.

BALAI KG. PG. KERMA

INDERA LAMA

Fatimah Salim; Miam bte. Sidek; Napsiah bte. Yusof; Iring bte. Sidek; Tisah bte. Md. Yusof; Tengah; Sidek; Zainab bte. Damit bte. Sidek; Mail; Dy. Binting Md. Yusof; Hidar bte. Ajak dan Antin bte. Damit.

PERSATUAN KG. SABA

(PERKASA)

Hj. Md. Zain bin Takong; Metusin bin Judin; Hassan bin Hashim; Hj. Md. Zain bin Hj. Damit; Ismail bin Jeripin; Chu Teh; Ambuyong bin Jaludin dan Hj. Md. Noor bin Talip.

S. DEWASA KG. SG. KEBUN

Hasnah Hj. Sulaiman; Jijah bte. Tengah; Norhani bte. Ahmad; Dk. Azizah P. Hashim; Pasah bte. Metali dan Dk. Aisah Pg. Apang.

KELAS DEWASA PENJARA

JERUDONG

Wee Chee Kwang dan Tan Kee Woon.

KHEMAH TAHANAN

BERAKAS

Tako anak Mangol.

S. M. ANGGEREK DESA

Haji Abu Bakar; Salmah bte. Muhamad; Fatimah bte. Samad; Armah bte. Adam; Sabariah bte. Adam; Dy. Bidah A. Rahman; Maimon bte. A. Rahman; Fatimah bte. Tudin Rohani bte. Maidin dan Norsiah Yahya.

S. M. JERUDONG

Alamah bte. Muamad; Ambai bte. Abas; Aisah bte. Md. Said; Maimunah bte. Tinggal; Normah bte. Mohamad; Salmah bte. Bakar; Zaleha bte. Kupat dan Rambai bte. Lamat.

B. RAYA SEMENTARA KG.

PELIMBING, SUBOK

Jaya bin Akub; Sapar bin Ahmad; Tarif bin H. Munaf; Tengah bin Jabat; Apang bin Merasan; A. Rahman Matasan; Talif bin Tujoh; Hj. Sidup bin Pakar dan Tujoh bin Othman.

S. M. MENTIRI

Asmah bte. Rabaha dan Saban bin Suboh.

S. M. GADONG

Saadiah bte. Udin; Juriah bte. Md. Yasin; Dy. Amas bte. Mahmud; Aisah bte. Sapudin; Dk. Maimunah P. Damit; Dk. Aminah P. Metasan; Dy. Intan bte. Tajudin dan Sarakiah Hj. Hamid.

S. M. GADONG

Siti bte. Jarudin; Aisah bte. Jarudin; Nilam bte. A. Bakar; Tuah bte. Hj. Tengah dan Pungut bte. Untong.

S. M. S.A.B. SG. BESAR

Dy. Tiawa bte. Timbang; Dy. Fatmah Hj. Untong dan Dy. Aminah bte. Hj. Nuddin.

S. M. LIMA MANIS

Jamilah bte. Gafarr; Jukiah bte. Hakim; Tiawa bte. Jaafar dan Radiah bte. Pilok.

S. M. PUTAT

Hj. Ahmad bin Mail; Aw. Jafar bin Bakar; Aw. Tuah bin Osman dan Aw. Pungut bin Ajak.

S. M. LUMAPAS

Aisah bte. Mohidin; Azizah bte. Mohidin; Jamilah bte. Saman; Rohana bte. Abd. Rahman; Siti Ajar bte. Kasim dan Zubaidah bte. Hamid.

S. M. PANCHONG

Nirai bte. Pilai; Nilam bte. Egong; Marai bte. Dua; Entip bte. Kayong; Moktar bin Egong; Gaul bin Abeh; Bagi bin Kilat dan Yusof bin Amoi.

S. M. PG MUDA MAHKOTA

Fatimah bte. Dollah; Rosni bte. Hasbullah; Dy. Intan bte. Badar; Dy. Enyei bte. Eding dan Dy. Piut bte. Salleh.

S. M. SENGKARAI

Mariam bte. Jumat; Fatimahaton Ag. Taib; H. Zaayah P.H.A. Bakar; Chong Mee Ying; Hasnah bte. Abd. Mohamad; Zaliah bte. D.H. Yusof; Aisah bte. Sulaiman dan Hasnah bte. Hashim.

S. M. AHMAD TAJUDDIN

Aw. Bu Luan; Halimah bte. Md. Zain; Manah bte. Lajar; Simidiah bte. Kurus; Yang Sue Moi dan Low Yen Hua.

S. M. MUHAMMAD ALAM

Dy. Pit bte. Idup; Hjh. Aminah bte. Hj. Omar dan Dy. Tijah bte. Damit.

S. M. NEGALANG

Tahir bin Jaafar; Singgar bin Binta; Janudin bin Raya dan Gapar bin Abdullah.

Dy. Junah bte. Puasa; Dy. Jikah bte. Beruak; Dy. Maimunah bte. Puasa; Dy. Norini bte. Muslim dan Dy. Timbang bte. Balan.

KG. LEPONG BARU

Lenti bte. Mang; Timah bte. Obak; Malaya bte. Ranga; Samsu bte. Mang; Ganing bin Galau; Ranga bin Empi; Numpang bin Langgar; Andar bin Tuba dan Jangau bin Ajong.

S. M. SALANGAN

Ahad bin Munap; Ahmad bin Bagol; Ibrahim bin Bahar; Salmah bte. Aji dan Timah bte. Jumat.

KAMPONG PARIT

Agong bin Lasong; Munchak bte. Nilau; Layoun bte. Buri; Asang bte. Buda; Timbang bte. Balan dan Umang bte. Riong.

PERINGKAT TERTINGGI:

S. M. RAJA ISTERI FATIMAH
Zainam Mulkiaman.

BALAI KG. TAMOI UJONG

Abdullah bin Othman; Chuchu bin Metali; Ismail bin H.A. Bakar; Ladi bin H. Othman; Mokti bin Md. Salleh; Mat Yasin bin Abd. Razak; Md. Zainal bin Metassan; Serudin bin Md. Tahir dan Sani bin Apang.

BALAI KG. TAMOI UJONG

Rosnah Abd. Latif; Chuchu bte. Hj. Bakar; Salbiah Hj. Bakar; Anom bte. Abdullah; Aminah Mohd. Tahir; Rafiah Aw. Moktal; Kayah bte. Hj. Othman; Jamiah bte. Ismail; Norzainah Hj. Moksin; Aminah Hj. Moksin; Armah bte. Timbang dan Siti Rahmat A. Metassan.

KELAS DEWASA PERSATUAN

A. TUNAS HARAPAN

(PATUH)

Dk. Fatimah P.H.O. Ali; Dk. Saialam P. Sulaiman; Dk. Afsag P. Besar; Gusti/Hariah bte. Md. Yusof; P. Tuah bin P. Md. Daud dan Nafisah Md. Salleh.

S. M. KG. SULTAN LAMA

Aminah bte. A. Bakar; Aini bte. Ibrahim; Halimah bte. Amat; Haminah bte. Badar; Hjh. Ramlah Hj. Rejab; Jamilah Hj. Salleh; Masnah bte. Hassan; Noremah bte. Badar; Nosinah Yusof; Siti Ajar Hj. Adam; Zainun bte. Mangarshah dan Radiah bte. Hj. Hasan.

(Lihat muka 8)

BOLA SEPAK:

Brunei akan sertai dua perlawanan antara-bangsa pada tahun ini

BRUNEI akan mengirinkan dua pasukan pemain2 Bola Sepak ka-luar negeri dalam tahun ini. Satu pasukan akan pergi ka-Iran manakala satu pasukan lagi akan pergi ka-Republik China.

Pemain2 Boleh Sepak yang akan mewakili negeri ini ka-Perlawanan Bola Sepak Belia Asia yang ke-15 di-Iran ada-lah terdiri dari Belia2 yang berumur 20 tahun kebawah sementara yang akan pergi ka-Republik China berumur 18 tahun kebawah.

Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei yang pada masa ini sedang menjalankan pendaftaran untuk perlawanan ka-Iran telah mendaftarkan lebih 30 orang pemain apabila pendaftaran itu di-umumkan sa-minggu lalu.

Setia Usaha Agong Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain telah membuat seruan kepada semua Belia2, Sekolah2 dan Maktab2 di-negeri ini supaya mereka tampil kehadapan mendaftarkan nama mereka.

Pendaftaran itu akan terus di-jalankan pada tiap2 hari Isnin hingga Khamis mulai jam 4.15 petang di-Padang Besar di-Bandar Seri Begawan dan di-Padang KBRC, Kuala Belait sa-hingga 8hb. Februari depan.

Bagaimana pun mereka hendak-lah berumur 20 tahun kebawah yang di-lahirkan sesudah 1hb. Januari, 1953.

Pemilihan sa-chara berperingkat akan di-jalankan setelah pendaftaran di-tutup pada 8hb. Februari dan dalam masa itu berbagai2 ujian akan di-jalankan termasuk-lah mengadakan siri2 perlawanan dengan pasukan2 tempatan.

Matalamat terakhir ia-lah memilih pemain2 yang chekap, handal, bersemangat, tahan lasak dan berdisiplin. Itu-lah di-antara syarat2 utama yang di-kehendaki oleh Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri

Brunei supaya perlawanan yang bakal di-adakan di-peringkat antara bangsa itu, Brunei dapat menunjukan pemainan yang baik dan bermutu tinggi.

Pendaftaran juga sedang di-jalankan sekarang untuk menghantar satu pasukan bola sepak ka-Kejohanan Sekolah2 Antara Bangsa Asia kali ke-empat di-Republik China tahun ini.


Pendaftaran itu di-selenggarakan oleh Bahagian Pendidikan Jasmani di-Jabatan Pelajaran yang mempelawa penuntut2 Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluruh negeri yang di-lahirkan dalam dalam tahun 1955, 1956 dan 1957.

Saperti hal-nya dengan pasukan yang akan pergi ka-Iran, pasukan yang akan pergi ka-Republik China itu juga menyusun beberapa siri rancangan perlawanan dan latehan2 asas mencari bakat2 pemain yang baik dan bersemangat.

Sa-bagaimana kita sama2 maalum, perlawanan Kejohanan Sekolah2 Antara Bangsa Asia kali ketiga telah di-adakan di-Bangkok, Negeri Thai bulan Disember yang baru lalu yang mana negeri kita tidak ketinggalan menyertai perlawanan tersebut.

Untuk pengetahuan peminat2 bola sepak di-negeri ini, ada baik-nya di-laporkan sedikit perlawanan di-Bangkok itu.

Dalam perlawanan tersebut



Pemain2 bola sepak yang mewakili negeri ini dalam perlawanan di-Bangkok pada bulan lepas. Di-kiri sekali ia-lah Awang Mohamad bin Ismail, penolong pengurus pasukan.

sa-banyak tujuh buah negara di-Asia telah mengambil bahagian. Negeri2 itu ia-lah Thailand, Singapura, Republik China, Republik Khemer, Hongkong, Malaysia dan Brunei.

Brunei telah menghantar sara-mai 21 orang perwakilan termasuk tiga orang pegawai dan 18 orang pemain yang di-ketuai oleh Awang Haji Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar.

Menurut juruchakap pasukan itu, Awang Mohamad bin Ismail yang juga sa-laku Penolong Pengurus, pasukan Brunei yang pergi bersama2 ka-perlawan itu telah menerangkan bahawa chara perlawanan dalam kejohanan itu telah di-jalankan sa-chara liga satu pusingan dalam kumpulan masing2 dan sa-chara kalah mati di-bahagian sa-paroh akhir.

Dari 7 pasukan mengambil bahagian telah di-bahagikan kepada dua kumpulan 'A' dan 'B'.

Kumpulan 'A' mengandungi Negeri Thai, Republik Singapura, Republik China dan Brunei. Kumpulan 'B' terdiri dari Hongkong, Malaysia dan Republik Khemer.

Negeri Thai yang menjadi Pemenang Ketiga tahun lalu telah di-temukan dengan Brunei di-perlawanan pembukaan pertama. Keputusan perlawanan itu Brunei tewas 10 kosong.

Awang Mohamad menerangkan gol2 yang di-jaringan oleh pasukan Negeri Thai chantek2 belaka, dari tendangan terus, dari tepi dan dari sudut gawang.

Boleh di-katakan tiap2 tujuh minit Negeri Thai menjaringkan gol2 kemenangan mereka kechuali gol pertama dalam minit ke-15 dalam sa-paroh masa pertama.

Meskipun Brunei mengalami kekalahan terok dalam perlawanan tersebut, semangat pemain2-nya tetap saja tenang dan chuba beberapa kali menyerang balas sa-hingga seluruh kekuatan pasukan Thai bertumpu di-barisan bawah untuk mengelakkan kemasakan gol dari pasukan Brunei.

Kira2 10,000 orang penonton yang menyaksikan perla-

wanan itu dari awal hingga akhir ada di-antara-nya memberikan tepok sorak kepada pasukan Brunei apabila mereka membawa bola ka-kawasan Negeri Thai sorak itu kian nyaring dan bergemuruh apabila beberapa kali pengelutan berlaku di-hadapan pintu gol Thai.

Kekalahan terok di-pehaknya pemain Brunei merupakan satu chabaran dan pengalaman baru bagaimana pun dapat-lah di-simpulkan kerana mereka kurang menjalani latehan2 asas dengan sa-chukop-nya jika di-bandingkan dengan Negeri Thai sa-belum itu telah melateh pasukan-nya sa-lama 10 bulan di-bawah lima orang jurulatih kebangsaan-nya.


Dalam perlawanan kedua antara Brunei dengan Republik China, Brunei telah mengalahkan Republik China satu gol tidak berbalas di-minit ke-31 apabila pasukan Brunei itu mendapat tendangan sudut dan bola dapat di-tandok oleh Johar Khamis ka-kubu pertahanan Republik China.

Dalam perlawanan ketiga, pasukan Brunei telah di-kalahkan oleh Republik Singapura tiga gol kosong. Gol pertama telah di-chipta di-minit yang ke-32 dalam sa-paroh masa pertama dan gol kedua dan ketiga di-jaringan di-minit ke-15 dan ke-30 sa-paroh masa kedua.

Di-akhir perlawanan itu, Johan Bersama di-menangi oleh Negeri Thai dan Republik Singapura, tempat ketiga jatuh kepada Malaysia, Hongkong mendapat tempat ke-empat Brunei di-tempat ke-5, Republik Khemer di-tempat ke-6 dan Republik China di-tempat ke-7.

Dalam hubungan ini dapat-lah di-tentukan betapa mustahak-nya latehan2 yang chukop dapat di-berikan supaya lebih banyak taktik2 permainan. Pasukan2 penyerang di-perkuatkan dan demikian juga kubu pertahanan bawah dapat di-kebalkan.

Persafahaman antara pemain sentiasa terjaga dan di-situ-lah letak-nya kecekapan puncha kejayaan.



Pemain2 bola sepak Brunei ketika berkumpul di-stadium di-Bangkok sa-bagai persediaan untuk pembukaan rasmi.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

a) PENOLONG PENG-AJAR, FABRICATION & WELDING:

Kelulusan2 yang paling rendah:

- i) Mesti-lah mempunyai C.G.L.I. peperiksaan No. 360 Bahagian I & II (Fabrication Engineering Craft Practice).

ATAU

No. 323 (Welding Craft Practice)

ATAU

mempunyai kelulusan dalam bidang yang sama yang di-iktiraf.

- ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semajak lulus.

- iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kepada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untuk peperiksaan City & Guilds.

b) PENOLONG PENG-AJAR, REFRIGERATION & AIRCONDITIONING:

Kelulusan2 yang paling rendah:

- i) Mesti-lah lulus peperiksaan C.G.L.I. No. 72 (Refrigeration Practice) atau pun mempunyai kelulusan sebanding yang di-iktiraf.

- ii) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semajak lulus.

- iii) Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kepada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untuk peperiksaan City & Guilds.

Am:

Chalon2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat lanchan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — \$470x20 - 510x30-540x20-600x30-690x20-710x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 19hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Ketua Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- i) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran;
- ii) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tu-

Sa-bagai Imam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Imam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- a) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Batu Apoi, Temburong.
- b) IMAM (1 jawatan — Bagi Mesjid Selangan, Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kelayakan bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 4 — \$280 x10-390-410x10-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

PENOLONG PEMEREXSA BUROH

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Penolong Pemeriksa Buroh, di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah se-baik2nya berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan mesti-lah sama ada:-

- (a) mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Inggeris, atau pun telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding; atau

- (b) mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris atau pun telah mencapai taraf pelajaran yang sa-banding dan telah menamatkan sama ada:-

- i) Empat tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam sesuatu jawatan dalam Division IV dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

- ii) Enam tahun perkhidmatan sa-telah di-tetapkan dalam Division V dalam Perkhidmatan Kerajaan; atau

- iii) Sembilan tahun perkhidmatan dalam sesuatu jabatan perusahaan yang berkaitan dengan perhubungan industri atau pengurusan personnel.

Semua chalon2 hendak-lah faham dalam bahasa Melayu dan, jika bahasa China, boleh

bertutor sekurang2-nya dua logat bahasa China.

Tugas2:

Memeriksa tempat2 pekerjaan, menguatkuasakan undang2 mengenai keselamatan pekerja, perhubungan2 industri, pendaftaran kesatuan2 sekerja dan lain2 perkara yang menjadi tanggung-jawab Jabatan Buroh; menerima aduan2 dan menjalankan penyiasatan, menyalut dan, jika perlu, menda'awa kesalahan2; menyelenggara pejabat pertukaran buroh dan perkhidmatan menyediakan pekerja2; menda'ikan pertikaian2 perusahaan; mengumpul statistik pekerjaan, gaji pendapatan dan masa kerja; dan pada keseluruhannya melaksanakan tugas2 executive dalam semua bahagian Jabatan Buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410 x 20-510/EB/540 x 20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 5/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Damit bin Haji Lakim, Kampong Wasan, Limau Manis, kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Lakim bin Japar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 8/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Orang Kaya Harimau Alam Awang Besar bin Munap, Kampong Subok, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Munap bin Lamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 10/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohd. Tanjong bin Haji Is-

mail, Kampong Tanjong Nangka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Misah binte Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 1/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Karim bin Mohammad, Kampong Piasau2 Labu, Temburong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Muamat bin Kipar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 7/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Puteh bin Padil, Lurong 43, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Faadil bin Haji Mat Nasir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei de-

ngan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 9/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Siti Alam bte. Md. Yassin, Kampong Saba Darat, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Metali bin Haji Tengah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 3/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mr. Chua Thien Watt, Medical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Chua Koi Gick yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 10 hari-bulan Februari, 1973, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Januari, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Kursus Perguruan — 1973

(Dari muka 2)

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi shara2 berikut:-

- mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;
- mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar balek dengan sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan;
- mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Pelateh2 yang berjaya di-akhir kursus ini akan di-letakkan dalam tangga gaji yang sama seperti gu-

ru2 lain yang sa-jajar kelayakan-nya.

Penuntut2 yang sedang menunggu keputusan pereksaan SPM/MCE dan berchadang mengikuti kursus ini bolehlah menghantar permohonan2 mereka menerusi Pengetua sekolah masing2. Borang2 baru boleh di-dapati dari Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Peti Surat 391, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang2 yang sudah di-isi hendaklah di-alamatkan kepada Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, menerusi Pengetua sekolah2 yang berkenaan. Borang2 tersebut mesti-lah sampai tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Pengarah Pelajaran,
Brunei.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Bilangan guru2 B-Inggeris meningkat

SENGKURONG. — Nazir Negara Sekolah2, Awg. Suni bin Hj. Idris berharap sekurang2-nya 120 orang guru2 Melayu akan dapat di-lateh mengajar Bahasa Inggeris di-Sekolah2 Rendah Melayu dalam tahun ini dan bilangan itu akan meningkat menjadi 175 orang menjelang tahun 1974.

Awang Suni berucap demikian sa-masa beliau menutup kursus pengajaran Bahasa Inggeris bagi 12 orang guru2 Melayu di-Sekolah Melayu Sengkurong pada minggu lalu.

Beliau menerangkan, tidak kurang dari 11 kursus lagi akan diadakan tahun ini dan beliau juga percaya semua sekolah2 rendah Melayu akan dapat menerima pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di-darjah empat dan lima dalam tahun ini.

Nazir Negara Sekolah2 itu berkata, kursus pengajaran bahasa Inggeris di-kawal dengan rapi dari segi isi dan kaedah2 mengajar dan persediaan2 telah di-buat bagi menadabir projek itu, bagaimana pun mutu pengajaran dan kejayaan-nya tergantung atas inisiatif guru2 itu sendiri.

Pengelola Kursus itu, Awang M. Williamson menerangkan, 62 orang guru telah di-lateh dalam kursus itu yang mengajar di-32 buah sekolah2 Melayu di-negeri ini.

Kursus yang sama sekarang diadakan di-Sekolah Melayu Sinaut.

Perubahan masa bekerja Sharikat Minyak Shell

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan bekerja lima hari dalam sa-minggu mulai esok, 1hb. Februari, 1973.

Ini bermakna pejabat2 sharikat itu akan di-tutup sa-penoh masa pada hari Sabtu dan Ahad.

Sa-orang juruchapak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad berkata, waktu bekerja di-Ibu Pejabat sharikat itu di-Seria pada tiap2 hari dari hari Isnin hingga Jumaat ia-lah dari jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.00 petang hingga 4.00 petang, manakala pejabatnya di-Bandar Seri Begawan akan bekerja mulai jam 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 petang hingga 5.00 petang.

Juruchapak itu juga mengingatkan orang ramai bahawa oleh kerana perubahan masa bekerja itu, perkhidmatan ferry di-Kuala Belait yang di-kelolakan oleh sharikat itu akan menjalankan perkhidmatan-nya seperti biasa mulai jam 6.00 pagi, tetapi akan di-tutup dua jam lebih awal ia-itu pada 8.00 malam.

Hubongan masharakat dengan belia

(Dari muka 1)

dalam masharakat Liang-Lumut itu sendiri.

"Segala2-nya biar-lah sa-tanding dengan bentuk pemikiran masharakat di-sekililing, kerana sejak tertubuh-nya persatuan2 belia di-negeri ini, belia dan masharakat telah merupakan satu hakikat yang telah di-hubongkan rapat dan tidak mudah di-pisah2kan", tegas Awang Jaya.

Beliau akhir-nya mengharapkan



PEGAWAI Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium ketika menerima cek yang bernilai \$2,000.00 dari Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Awang Wong Poh Chang.

Derma meningkat

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait sa-takat ini telah menerima lebih dari \$7,000.00 bagi derma pembinaan stadium.

Ini telah di-nyatakan oleh Setia Usaha Jawatankuasa itu, Awang Jaya bin Abdul Latif pada minggu lalu.

Beliau berkata derma2 tersebut ada-lah dari sharikat2 perniagaan, pertubuhan2 kebajikan dan orang perseorangan.

Awang Jaya menyatakan bahawa jawatankuasa kecil bahagian sosial berchadang akan mengadakan satu jamuan 'Makan Jutean Ringgit' sa-bagai usaha lanjut untuk mengutip derma Tabong Pembinaan Stadium itu.

Beliau berkata undangan akan di-beri kepada sa-siapa yang sanggup membayar sa-chara sukarela sa-kurang2-nya \$100.00 untuk hadir dalam majlis tersebut.

Pada minggu lalu Jawatankuasa Pembinaan Stadium Daerah Belait telah menerima derma sa-banyak \$3,550.00.

Derma2 tersebut telah di-sampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Dari jumlah itu, sa-banyak \$2,000.00 di-terima dari Dewan Perniagaan China, Daerah Belait; \$1,000.00 dari Persatuan Foochow Kuala Belait; \$500.00 dari Kelab Rotary dan \$50.00 dari Dayang Hasnah binte Yusof.

Derma Dayang Hasnah ada-lah merupakan derma yang pertama di-terima dari orang perseorangan di-daerah itu.

agar pelancharan projek2 persatuan itu tidak akan di-sulami dengan sikap2 yang bertentangan dengan kehendak masharakat, peratoran dan undang2 negara.

Turut juga memberikan ucapan dalam majlis itu ia-lah Penguasa Persatuan2 Belia Pengiran Tuah bin Pengiran Mohd. Daud; Yang Di-Pertua Persatuan Gabong Liang-Lumut, Awang Hadis bin Tarip dan Setia Usaha Agong persatuan itu, Awangku Muhammad bin Pengiran Said.

Keputusan pepereksaan

(dari muka 4)

RUMAH 187, KG. SABA, BANDAR SERI BEGAWAN
Sanah bte. Ahmad; Aisah bte. Tuah; Dy. Amas bte. Serudin; Dy. Terahmat Serudin; Jariah bte. Ibrahim; Shahadan bte. Ibrahim dan Jamilah bte. Abdulah.

DEWAN PERKASA, KG. SABA
Zainah bte. Hj. Metali; Zauyah bte. Hj. Metali; Maimunah bte. Hj. Metali; Armah bte. Donglah; Munah bte. Dullah; Normah bte. Terudin; Ganti bte. Hj. Tengah; Hjh. Faridah Hj. Tengah; Fatimah bte. Jamaludin; Bungsu Jamaludin; Dy. Puan Nordin dan Mamunah Hj. Salleh.

BALAI TUAN HJ. AMIT BIN HJ. LAYAR, KG. SABA
Lunak bte. Sadong; Husnah bte. Hj. Tengah; Dy. Tengah Daim; Dy. Fatimah Hj. Hasim; Sinah bte. Duraman dan Zannah bte. Duraman.

KELAS DEWASA PENJARA JERUDONG
Azamain Hj. Metamit.
KHEMAH TAHANAN BERAKAS, BRUNEI
Riang anak Lawi dan Punan anak Tadam.

S. M. AMAR PAHLAWAN, BRUNEI
Armah bte. Taha; Fatimah bte. Maksin; Maimunah bte. Umar; Normah bte. Jambol dan Masnah bte. Apong.

S. M. O.K.B. IMAS, SUBOK
Lily bte. Edwin; Md. Salleh Jiban; Momin bin Daud; Fatimah bte. Tuiah; Tamin bin Tangkim; Samat bin Tujoh; Yusof bin Taim; Salleh bin Munap; Adris bin Munap; Jaafar bin Ibrahim dan Junid bin Mahmud.

S. M. MENTIRI
Maat bin Sabtu; Timbang bin Suboh dan Ahad bin Daud.

S. M. PUTAT
Fatimah bte. Besar; Tijah bte. Hj. Ampal; Halimah bte. Karim; Siti bte. A. Latif dan Aminah bte. A. Latif.

S. M. DATO GANDI
Siti Ajar bte. Mohammad; Sari-mah bte. Hj. Ahmad; Zainah bte. Akok; Rokiah bte. Akop dan Mar-iam bte. Md. Noh.

S. M. PUTAT
Awg. Latif bin Besar; Metussin bin Serudin dan Awg. Zaini bin Metassan.

S. M. JUNJONGAN
Aminah bte. Hj. Kamis; Jamiah bte. Ibrahim; Armah bte. Abd. Hamid; Sarbini bin Ahmad; Ting-gal bin Buntar; Sulaiman bin Md. Salleh; Momin bin Kassim dan Hj. Timbang bin Samsu.

DI-RUMAH AWG. MAHMUD BIN LAMAT (KG. LUMAPAS)

Mohd. Salleh bin Mahal; Sirat bin Tahir; Bagol bin Ahmad dan Jariah bte. Othman.

S. M. LUMAPAS
Dy. Sita bte. Hj. Sabtu; Azizah bte. Tahir; Habibah bte. Idris; Rokiah bte. Jemudin; Jamiah bte. Kasim dan Salmah bte. Yusof.

S. M. PG MUDA MAHKOTA
Dy. Hamid bte. Ahim; Siti Ar-mah bte. Salleh; Dk. Adi Pg. Chu-chu dan Siti Asbah bte. Duraman.

S. M. SENGKARAI
Amnah bte. Taha; Noramal bte. Taib; Oy. Masnuiah Abd. Ghani; Kamariah bte. Ibrahim dan Salmah bte. Afandi.

S. M. PANCHONG
Anduan bte. Atau; Bintang bte. Bulat; Yugot bte. Awang; Jalan bin Hidup; Ludang bte. Hidup dan Kilat bin Ampang.

S. M. AHMAD TAJUDDIN
Hauyah bte. Razali; Masni bte. Abd. Rahman dan Sainan bte. Racc.

S. M. NEGALANG
Tagal bin Lasong; Akim bin La-song dan Korus bin Damit.

Dy. Bidah bte. Lisa; Dy. Lumat bte. Muslim; Dy. Minah bte. Ja-rudin; Dy. Mariam bte. Timbang dan Dy. Mariam bte. Sitau.

Balai Pulis mula perkhidmatan

MUARA. — Balai Pulis baru Muara memulakan perkhidmatan-nya pada hari Selasa minggu lalu.

Perkhidmatan itu di-mulakan dengan lawatan ka-balai pulis itu oleh Timbalan Penguasa Pulis Dato B.M.G. Cavarliho.

Dato Cavarliho menasehatkan penduduk2 di-Pekan Muara dan di-kampung2 yang berhampiran supaya menggunakan balai pulis baru itu untuk melaporkan seba-rang kes jenayah.

Balai pulis itu akan di-jalankan oleh 33 orang anggota pulis termasuk Pegawai Pemerintah Balai, Sarjan Mohammad Yusof bin Hj. Lamat.

Dato Cavarliho menyatakan bi-langan anggota di-balai itu akan bertambah sa-telah pelabohan Muara di-buka.

Kerja2 pembinaan kompleks yang menelan sa-banyak \$500,000.00 itu di-mulakan sa-tahun yang lalu.

Komplek itu mengandungi tempat tinggal bagi Pegawai Pemerentah Balai dan dua blok flat bagi 32 orang anggota pulis yang sudah kahwin di-samping bangunan balai tersebut.